

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,

Helaian Pendedahan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting mengenai takaful keluarga anda.



HongLeong MSIG Takafu

Tarikh: 01/01/2026

Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia bermanfaat;
anda juga perlu membacanya.

1

Apakah HLM Takaful i-Hospital Care?

HLM Takaful i-Hospital Care menawarkan perlindungan takaful selama **10** tahun. Ia membayar elaun tunai harian ketika penghospitalan anda disebabkan oleh penyakit atau kecederaan dan elaun digandakan sekiranya penghospitalan adalah disebabkan oleh Kanser. Pelan ini boleh diperbaharui untuk tempoh 10 tahun perlindungan tanpa pengunderaitan, sehingga maksimum 2 kali pembaharuan tertakluk kepada terma sijil.

Berikut adalah konsep Syariah yang digunakan:

- Tabarru' - Derma daripada sebahagian sumbangan yang diperuntukkan kepada Dana Risiko Peserta (PRF). Ini adalah berdasarkan konsep Illizim Bi Al-Tabarru', yang menggambarkan komitmen Peserta untuk membuat sumbangan.
- Wakalah - Kontrak agensi di mana Pengendali Takaful menguruskan PRF bagi pihak para Peserta dan mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan.
- Ju'alah - Perjanjian di mana Peserta memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful atas pencapaian dalam menguruskan PRF dan menghasilkan lebihan. Sebarang lebihan daripada PRF akan diagihkan antara Peserta yang layak dan Pengendali Takaful dalam nisbah 50:50.
- Qard - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam PRF.

2

Ketahui Perlindungan / Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, bagi **RM572.15** setiap tahun, anda akan menerima **perlindungan / manfaat** takaful keluarga yang berikut:

Manfaat Elaun Tunai Harian	RM500.00 Jika penghospitalan adalah disebabkan oleh Kanser, RM1,000.00 akan dibayar.
----------------------------	---

Nota:

- Pembayaran manfaat ini tertakluk kepada terma dan syarat yang dinyatakan dalam sijil takaful.
- Jika manfaat dibayar untuk kemasukan ke hospital akibat Kanser, manfaat untuk kemasukan ke hospital disebabkan oleh penyakit lain atau kecederaan tidak akan dibayar, dan sebaliknya.
- Manfaat yang akan dibayar adalah terhad kepada maksimum 730 hari untuk setiap tempoh penghospitalan.
- Sila rujuk sijil takaful untuk definisi Kanser dan maklumat lanjut mengenai penamatan perlindungan.

Takaful keluarga anda **mengecualikan**:

- Penyakit sedia ada - sekiranya kemasukan ke hospital berpunca daripada sebarang keadaan atau penyakit yang dialami Orang Dilindungi atau tanda-tanda yang wujud sebelum menyertai pelan, **tiada** manfaat Elaun Tunai Harian akan dibayar.
- Kecederaan yang disengajakan diri - jika kemasukan ke hospital berlaku disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada kecederaan diri, semasa waras atau tidak waras, **tiada** manfaat Elaun Tunai Harian akan dibayar.
- Rawatan untuk atau timbul disebabkan oleh kecacatan kelahiran, keturunan, anomali kongenital atau keadaan yang berkaitan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan mengenai takaful keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di
03-7650-1800



Layari kami di:
<https://www.hlmtakafu.com.my>



Emel kami di:
ReachUs@takafu.hongleong.com.my



Imbas kod QR
di atas

3

Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk pelan takaful keluarga ini, anda perlu membayar sumbangan takaful sebanyak:	
Sumbangan ¹ (termasuk Cukai, jika ada)	RM47.68 setiap bulan
Tempoh: Sehingga umur 40 tahun.	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Yuran Wakalah ²	Jumlah Yuran Wakalah adalah RM1,893.79 atau 33.10% daripada jumlah sumbangan sepanjang tempoh sijil.
Tabarru'	Sumbangan setelah ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF sebagai Tabarru'.

¹ Kadar sumbangan takaful ini terpakai bagi risiko standard. Terma serta kadar sijil mungkin berbeza bergantung kepada syarat pengunderaitan.

² Sumbangan anda selepas ditolak Yuran Wakalah akan diperuntukkan ke dalam PRF. Jumlah yang tidak diperuntukkan (Yuran Wakalah) akan digunakan untuk membayar perbelanjaan pengurusan dan kos pengedaran langsung.

4

Terma-terma Utama Lain

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan kesihatan dan menyatakan umur anda dengan tepat. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan anda ditolak atau sijil anda dibatalkan.
- Sekiranya sumbangan tidak dibayar, Tempoh Ihsan selama 30 hari dibenarkan untuk membayar sumbangan berikutnya. Jika sumbangan masih tidak dibayar selepas Tempoh Ihsan, sijil anda akan luput dan tiada manfaat akan dibayar.
- Kelayakan untuk manfaat di bawah sijil ini bermula selepas tempoh menunggu kecuali untuk kes kemasukan hospital disebabkan kecederaan akibat kemalangan. Tempoh menunggu di bawah terpakai dari tarikh permulaan atau sebarang tarikh pengembalian semula sijil, yang mana kemudian:
 - 120 hari untuk Penyakit Tertentu
 - 30 hari untuk semua penyakit dilindungi yang lain.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda harus merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

?

Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberikan notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh bertenang:** anda boleh membatalkan sijil anda dengan mengembalikan sijil dalam tempoh 15 hari selepas sijil dihantar kepada anda. Sumbangan yang telah dibayar akan dipulangkan kepada anda.
- **Penyerahan:** jika anda membatalkan sijil sebelum tarikh matang, sijil takaful ini tidak akan memberikan apa-apa bayaran daripada PRF dan anda akan kehilangan manfaat di bawah sijil anda.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Hong Leong MSIG Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Diunderait oleh Hong Leong MSIG Takaful Berhad 200601018337 (738090-M)
(Dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia)